



KENYATAAN MEDIA

MENTERI PERPADUAN NEGARA

TALIAN KHAS BAGI ISU PENGHINAAN AGAMA SELAIN AGAMA ISLAM

Saya mengambil maklum **cadangan Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** menggesa pewujudan dua talian 24 jam tambahan di Malaysia untuk mengendalikan aduan mengenai penghinaan terhadap mana-mana agama selain agama Islam, kumpulan etnik, bahasa, budaya, gaya hidup atau identiti & satu lagi untuk orang ramai melaporkan hasutan dan keganasan.

Walaupun Kementerian Perpaduan Negara (KPN) tiada kuasa atau peruntukan khas seperti akta untuk mengambil tindakan-tindakan dari segi perundangan, tetapi Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan. **Antara mekanisme pengurusan isu perpaduan yang telah disediakan dan dilaksanakan oleh JPNIN** adalah pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi melalui:

1.0 SISTEM E-SEPAKAT

JPNIN telah memperkenalkan **e-Sepakat** sebagai **mekanisme pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital**. Sistem ini juga merupakan **pusat pengumpulan data utama (big data)** bagi pengurusan isu perpaduan di bawah Kementerian. Ia mempunyai 3 komponen utama yang merekodkan maklumat isu perpaduan yang seperti berikut:

- i) **I-kes** : merekodkan isu-isu perpaduan yang telah berlaku
- ii) **I-ramal** : merekodkan isu atau berita yang dijangka akan berlaku.
- iii) **I-Mediator** : pangkalan data maklumat Mediator Komuniti termasuk urusan pelantikan dan pelaporan kes mediasi.

Setiap maklumat yang direkodkan dalam **e-Sepakat** akan dianalisis untuk **membina statistik dan pelaporan**. KPN melalui JPNIN akan menyediakan laporan isu perpaduan secara berkala seperti **laporan mingguan, bulanan dan tahunan**. Maklumat ini turut dikongsi bersama rakan-rakan strategik Kementerian seperti **PDRM, MKN, SKMM** serta **termasuk dibentangkan di kabinet melalui Nota Jemaah Menteri secara suku tahun**.

2.0 DASHBOARD ANALITIK PERPADUAN

Manakala Dashboard Analitik Perpaduan pula **menyokong kepada sistem e-Sepakat** dalam **meningkatkan lagi kecekapan gerak kerja pengurusan isu keharmonian masyarakat** melalui **pemetaan (*mapping*) kawasan-kawasan yang berisiko tinggi (*high-risk*) dan panas (*hot-spot*)** yang mampu mengganggu gugat keharmonian antara kaum dan agama.

Pada masa yang sama juga, ia membantu **menambahbaik pemantauan tahap dan iklim perhubungan antara kaum** yang bertindak sebagai **sistem amaran awal (*early warning system*)** terhadap sesuatu isu atau konflik yang dilaporkan dalam Sistem e-Sepakat melalui **analisis jangkaan (*predictive analysis*)**.

3.0 MEDIATOR KOMUNITI SEBAGAI PENDAMAI MASYARAKAT

Kementerian melalui JPNIN telah memperkenalkan Mediator Komuniti yang terdiri daripada **pemimpin Rukun Tetangga (RT), Pegawai Perpaduan dan NGO Agama** untuk menjadi **pendamai masyarakat yang dikenali sebagai Mediator Komuniti** dalam **membendung dan mengurus isu-isu perpaduan atau konflik sosial di peringkat komuniti**.

Kementerian mempunyai seramai **562 orang Mediator Komuniti** bertauliah dan terlatih yang bersedia untuk **memberikan perkhidmatan kepada masyarakat secara percuma**. Perkhidmatan Mediasi menjadi pilihan kepada pihak-pihak yang bertelagah kerana pertikaian dapat diselesaikan **tanpa melibatkan perundangan (mahkamah/peguam), lebih mudah, cepat, jimat** dan dilaksanakan dalam **suasana yang lebih harmoni**. Skop perkhidmatan mereka ini tertakluk kepada isu-isu yang menyebabkan ketegangan antara kejiiran perumahan bandar, kampung mahupun di kawasan strata.

Dengan mengambil kira kesemua platform pengurusan perpaduan yang sedia ada ini, Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan satu talian 24 jam yang baharu. Oleh itu, saya berharap agar rakyat dapat memanfaatkan kesemua platform ini bagi memastikan keharmonian antara rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya terpelihara.

Terima kasih.

- TAMAT-

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
8 MEI 2024